

21 JUN 2001

Mahathir-Melayu

MELAYU AKAN JATUH TERSUNGKUR JIKA LUPA SEJARAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa orang Melayu yang masih lemah dan ketinggalan dalam banyak aspek, akan mengalami nasib yang lebih buruk daripada sekarang, jika mereka mudah lupa terhadap sejarah perjuangan mereka.

Katanya orang Melayu sebenarnya sudah lupa dengan perjuangan dan "survival" mereka sehingga sanggup bercakaran sesama sendiri tanpa menghiraukan kelemahan bangsa dalam banyak aspek.

Beliau berkata orang Melayu sudah mulai lupa atau tidak mahu memahami erti sebenar Kemerdekaan dengan menganggap sesiapa jua yang menjadi kerajaan, akan terus memberi perlindungan kepada bangsa Melayu, seperti yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional selama ini.

"Oleh itu, di hari ini, orang Melayu masih lemah setelah 43 tahun bebas dan berkuasa di negeri sendiri. Tanpa kerajaan yang memihak dan membantu mereka dalam semua segi, mereka akan jatuh tersungkur," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung parti itu yang ke-55 di sini.

"Tanpa kerajaan yang memihak dan membantu mereka dalam semua segi, mereka akan jatuh tersungkur. Tanpa diskriminasi positif oleh kerajaan, hanya 20 peratus daripada kemasukan ke universiti akan terdiri daripada anak-anak Melayu," katanya dalam ucapannya yang disiarkan secara langsung oleh RTM dari Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Seramai 2,027 perwakilan menghadiri perhimpunan agung itu.

Kerana sikap orang Melayu tidak mementingkan ilmu pengetahuan, anak-anak Melayu yang diberi peluang memasuki universiti ini pun akan lulus dengan pangkat yang rendah, jika mereka lulus, kata Dr Mahathir.

"Tanpa kerajaan yang prihatin terhadap nasib orang Melayu, naib canselor, profesor, dan pensyarah akan terdiri daripada orang lain dan bukan dimonopoli oleh orang Melayu seperti sekarang."

Begitu juga dalam kerajaan, pegawai tinggi dan pegawai profesional bukan Melayu akan menjadi majoriti yang besar dengan kebanyakan Ketua Setiausaha kementerian akan terdiri daripada bukan Melayu dan pegawai dan kakitangan kerajaan yang sekarang majoriti Melayu akan berubah, katanya.

Dr Mahathir menyelar orang Melayu yang tidak menghargai dan memburuk-buruk serta melemahkan Umno yang begitu berjasa kepada bangsa, agama dan tanah air sehingga sanggup memecahkan perpaduan dalam parti dan di kalangan mereka sendiri.

"Orang Melayu sudah lupa. Mereka sudah lupa bagaimana dahulu mereka dijajah dan dihina kerana mereka berpecah, tidak bersatupadu. Mereka sudah lupa akan kekuatan dan kejayaan mereka apabila mereka bersatu dan melawan British dan mencapai kemerdekaan," katanya.

Ucapan Dr Mahathir sepanjang 28 muka bertajuk "Melayu Mudah Lupa" itu mencakupi beberapa isu perkembangan semasa termasuk kedudukan ekonomi dan tahap penguasaan ilmu orang Melayu, perpaduan bangsa, nilai sebuah demokrasi, cubaan puak "reformasi" memporak-perandakan negara dan tahap kebencian orang asing terhadap Malaysia.

Beliau turut kesal dengan sikap bangsa Melayu yang lupa akan tujuan sebenar perjuangan politik mereka dan dalam keghairahan untuk mendapat undi daripada pihak tertentu, ada kalangan yang sanggup menjadikan kepentingan Melayu tajuk untuk tawar menawar.

"Apakah perlu bahasa Melayu sahaja dijadikan bahasa rasmi? Apakah taraf

agama lain tidak boleh disamakan dengan taraf agama Islam? Apakah perlu ada perbezaan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera? Semua ini dilupakan." kata Dr Mahathir.

Menurutnya kalangan semacam ini seolah-olah berkata "bagi undi dan kami sanggup gugur apa sahaja yang dianggap hak orang Melayu".

Katanya sukar bagi orang Melayu sekarang untuk memikirkan keadaan semasa negara dijajah dahulu dan apa yang mereka ketahui hanyalah tanah air telah merdeka dan kerajaan yang dikuasai Melayu akan melindungi mereka.

Dr Mahathir membayangkan apa yang bermain di fikiran orang Melayu dengan berkata: "Takkanlah Malaysia boleh mengadakan kerajaan yang mengabaikan kepentingan Melayu. Apa juga yang dibuat oleh orang Melayu, mereka tetap selamat. Jika mereka berpecah, berperang sesama sendiripun mereka akan selamat.

"Bahawa mereka masih lemah dalam semua bidang, lemah daripada segi ekonomi, tidak berilmu, kurang cerdik, mudah disogok, menjadi penagih dadah, menghidap Aids dan lain-lain, semua ini tidak mengapa kerana mereka tetap selamat, tetap akan mendapat perlindungan daripada kerajaan Malaysia."

Katanya yang ternampak oleh orang Melayu ialah politik demokrasi memberi jalan mudah untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri dengan berandaian usaha yang sedikit boleh mendatangkan keuntungan yang besar.

Daripada segi politik, Dr Mahathir berkata dalam parti pemerintah dan parti-parti Melayu lain, apa yang diutamakan ialah perebutan tempat dan menganggap keupayaan memberi khidmat atau menyumbang kepada kebaikan dan pembangunan orang Melayu dan negara sebagai tidak penting.

Katanya: "Perebutan inilah yang membawa kepada keruntuhan akhlak sehingga kawan yang menolong kitapun sanggup kita caci, sanggup kita jatuhkan. Rasuah sanggup dihulur, agama sanggup diputarbelitkan dan bangsa dipecahbelahkan."

"Tidak ada langsung penghargaan kepada jasa dan bakti. Kita cantas, kita kebas, kita buat apa sahaja untuk mencapai cita-cita besar kita."

Menurut Dr Mahathir, kejayaan Umno yang tercemerlang sekali ialah penyatuan orang Melayu dari semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu ketika berjuang menuntut kemerdekaan daripada British dahulu.

Penyatuan ini, katanya, memberikan kekuatan kepada bangsa Melayu yang tidak pernah dirasai mereka selama 450 tahun.

Katanya lagi, para pemimpin Melayu Umno sejak dulu hingga sekarang mampu mewujudkan hubungan kerjasama antara kaum yang bijak sehinggakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk ini berupaya menangani masalah perkauman yang timbul.

"Tidak ada negara berbilang kaum lain yang berjaya mengatasi masalah perkauman seperti Malaysia di bawah pimpinan orang Melayu Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata selain daripada kebijaksanaan kepimpinan Melayu Umno dalam politik dan pentadbiran, prestasi pemerintahan yang diterajui mereka juga jauh lebih baik daripada yang dijangkakan dalam soal pembangunan ekonomi negara.

Bagaimanapun, katanya, pencapaian orang Melayu sendiri tidak boleh dibanggakan kerana selepas hanya dua generasi, pengajaran daripada sejarah lama dan baru sudah dilupakan atau tidak dapat difahami.

Sebaliknya, bangsa Melayu gemar mewarnakan sejarah mereka dengan cerita dongeng untuk ego mereka.

Dr Mahathir berkata ini ditunjukkan dengan kesukaan orang Melayu menyebut ungkapan Hang Tuah yang kononnya berkata "Tak akan Melayu Hilang di Dunia."

"Sehingga hari ini, benarlah kita tidak hilang. Tetapi apakah jenis Melayu yang tidak hilang ini. Selama 450 tahun mereka hidup di negeri mereka sendiri sebagai hamba bangsa-bangsa asing.

"Sekarang mereka sudah bebas dan dapat memerintah diri sendiri. Tetapi apakah mereka sudah menjadi bangsa yang berjaya dan bermaruah?" tanya beliau.

Dr Mahathir menarik perhatian generasi selepas merdeka tidak dapat mempercayai tentang kemungkinan mereka dijajah semula dengan beranggapan bahawa sekali merdeka, kononnya negara akan selama-lamanya merdeka dan mana-mana kerajaan di Malaysia akan menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup orang Melayu.

"Dengan itu, percubaan tidak dibuat untuk mengubah sikap dan mengatasi kelemahan yang dahulunya menyebabkan negeri-negeri Melayu dijajah. Orang Melayu masih mudah bersengketa dan berpecah.

"Orang Melayu masih tidak sanggup mengejar ilmu, tidak sanggup bekerja kuat, tidak mahu belajar pengurusan perniagaan dan menghadapi risiko perniagaan. Orang Melayu masih mencari jalan yang mudah untuk cepat kaya. Dan ini termasuk menerima sogokan," katanya.

Beliau berkata hasil kerajaan yang prihatin pada masa ini, perniagaan orang Melayu kini tidak terhad kepada "gerai-gerai berbumbung plastik biru di tepi-tepi jalan" dan sudah ada bangunan pencakar langit dimiliki ahli korporat Melayu atau dana-dana kepentingan Melayu.

"Kerajaan yang tidak bersimpati dengan orang Melayu akan menswastakan semua perniagaan awam dan jabatan-jabatan kepada orang asing atau rakyat bukan Melayu. Di bawah mereka, entiti yang diswastakan ini akan berkembang maju dan menjadi gergasi korporat. Mungkin ada beberapa kerat orang Melayu sahaja yang akan dilihat antara ramai pegawai lain," katanya.

Mengenai cubaan pihak tertentu mengadakan "reformasi" di negara ini, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak memerlukan seperti mana negara-negara lain yang mungkin perlu melalui reformasi serta pertukaran sistem politik dan kerajaan.

"Apakah kerana orang lain perlu mengadakan reformasi maka kita juga perlu kepada reformasi? Sebenarnya, perubahan yang baru hendak dibuat di negara lain sudahpun berada di Malaysia sejak kita mencapai kemerdekaan," katanya.

Menyentuh kedudukan orang Melayu dalam konteks zaman teknologi maklumat (IT), Dr Mahathir berkata jika orang Melayu tidak mahu terlepas, tertinggal atau menjadi mangsa IT, mereka perlu secara serius mempelajari ilmu baru ini dan syaratnya ialah dengan penguasaan Bahasa Inggeris.

Beliau berkata penguasaan bahasa berkenaan tidak akan menjadikan bangsa Melayu "kurang Melayu" atau kurang Islam kerana perkembangan Bahasa Melayu bukan bergantung kepada penolakan bahasa lain.

Beliau berkata di zaman IT ini, hanya mereka yang menguasai bahasa Inggeris sahaja yang akan berjaya dan hakikat ini diakui oleh orang Jepun, Perancis dan Cina yang sedang giat mempelajarinya.

"Janganlah kerana pandangan yang sempit terhadap Bahasa Melayu maka orang Melayu sekali lagi terlepas revolusi zaman maklumat, menjadi bangsa yang mundur, dihina dan diperbodoh oleh orang lain," katanya.

Dr Mahathir menegaskan polemik berkenaan soal dunia dan akhirat dalam soal penguasaan ilmu akan berpanjangan tanpa apa-apa keputusan dan hasilnya ialah penuntut akan keliru dan ragu-ragu tentang perlunya menuntut ilmu yang bukan khusus berkenaan agama.

Jika orang Melayu percaya ilmu-ilmu lain ini tidak penting, adalah lebih baik kerajaan tidak memberi tempat kepada penuntut Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam bidang-bidang ini.

"Tidak perlulah kita adakan kuota bagi penuntut Melayu dengan menidakkan peluang bagi penuntut bukan Melayu. Janganlah kita marah atau kecewa jika bilangan doktor, jurutera, saintis, arkitek, peguam dan doktor gigi Melayu begitu berkurangan," katanya.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata jika bangsa Melayu percaya bahawa

ilmu-ilmu sains dan teknologi amat penting bagi mereka sebagai orang Islam, maka mereka tidak harus bergantung kepada kuota sahaja.

"Pelajar-pelajar Melayu di sekolah hendaklah betul-betul tekun mengejar ilmu-ilmu ini supaya kelulusan mereka begitu tinggi sehingga kemasukan ke universiti melebihi kuota untuk kita," katanya.

Ini kerana sebenarnya, kecerdasan otak orang Melayu tidak kurang daripada kaum-kaum lain.

Beliau berkata apa yang menyebabkan perlunya diadakan kuota untuk penuntut Melayu ke universiti adalah sikap bangsa Melayu terhadap menuntut ilmu iaitu mereka tidak begitu menitikberatkan penguasaan ilmu pengetahuan.

Sedangkan orang bukan Melayu menganggap menuntut ilmu sebagai sesuatu yang mulia dan masyarakat memandang tinggi mereka yang berilmu.

Perdana Menteri juga berkata orang yang mengganggu penuntut Melayu kerana kepentingan politik mereka boleh dianggap sebagai pengkhianat kepada agama Islam dan bangsa Melayu.

Dr Mahathir berkata orang Melayu masih berpeluang untuk selamat dengan mengubah sikap dan mengambil langkah permulaan iaitu mengikis kepercayaan bahawa mereka tetap akan selamat kerana kerajaan mana pun akan menolong mereka.

"Anak Melayu tidak kurang (yang) pandai tetapi tanpa rajin belajar, yang berotak geligapun tidak akan dapat kelulusan tinggi. Yang kita tahu ialah ramai anak Melayu malas dan tidak berminat untuk belajar. Mereka lebih suka melepak dan berfoya-foya," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata hari ini didapati lebih ramai penuntut wanita Melayu yang diterima masuk ke universiti berbanding penuntut lelaki dan memuji penuntut wanita yang lebih tekun dalam pelajaran.

Beliau berkata orang Melayu harus belajar untuk berdikari dan membuat persediaan menghadapi cabaran-cabaran alaf baru termasuk globalisasi dan apabila hak istimewa orang Melayu tidak dapat dipertahankan lagi.

"Seboleh-bolehnya jangan terima bantuan. Jika terima, bayarlah harganya atau balas balik. Ini lebih mulia daripada selalu meminta-minta. Sudah tentu ini lebih mulia daripada sikap tidak bersyukur dengan pertolongan," katanya

Dr Mahathir menutup ucapannya dengan bertanya: "Wahai bangsa Melayu, sudah lupakah kamu?," yang disambut tepukan gemuruh para anggota perwakilan dan jemputan khas yang mendengar dengan tekun dan serius ucapan beliau.

-- BERNAMA

MAM ZS RON